



---

## **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2019**

---

### **BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2019**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bantuan Kewangan Khas Tahun sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2019 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2019 untuk diterima pakai di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan beberapa pindaan yang berkaitan.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di Gred 56 dan ke bawah sebanyak RM450.00 dan turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen sebanyak RM225.00. Sehubungan dengan itu, UMT bersetuju untuk menerima keputusan tersebut untuk dilaksanakan di peringkat UMT.

3. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bagi maksud menjelaskan mengenai kaedah pelaksanaan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019.

## **PELAKSANAAN**

4. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sebanyak RM450.00 diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di Gred 56<sup>1</sup> dan ke bawah dengan syarat bahawa pegawai masih berkhidmat sehingga 24 Mei 2019 dan berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 24 Mei 2019.

5. Tempoh 30 hari berturut-turut adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 24 Mei 2019.

## **PEGAWAI YANG LAYAK**

6. Tertakluk kepada perenggan 4 dan 5 di atas, pegawai yang layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 adalah seperti berikut:

- 6.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan *contract of service*<sup>2</sup>;
- 6.2 pegawai yang bercuti bergaji penuh
- 6.3 pegawai yang bercuti separuh gaji
- 6.4 pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
- 6.5 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.

7. Bayaran Khas Tahun 2018 juga dipanjangkan kepada:

- 7.1 pemandu yang dilantik oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya.

---

<sup>1</sup> Pegawai di Gred 56 atau setara. Tidak termasuk pegawai yang sedang memangku di Gred Utama/Khas.

<sup>2</sup> Bagi pegawai di bawah *contract for service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

## **PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK**

8. Pegawai yang tidak layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 adalah:

8.1 pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 24 Mei 2019;

8.2 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 24 Mei 2019; dan

8.3 pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 24 Mei 2019.

## **PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BAYARAN KHAS**

9. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 ini. Pegawai hanya layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

## **PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)**

10. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sebanyak RM450.00 dipanjangkan kepada PSH yang masih berkhidmat pada 24 Mei 2019 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 24 Mei 2019.

## **PESARA**

11. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 kepada pesara Kerajaan yang menerima pensen dan penerima pensen terbitan pada atau sebelum 24 Mei 2019 di bawah undang-undang pensen akan dibayar sebanyak RM225.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

12. Pesara yang dilantik semula secara *contract of service* dan masih berkhidmat pada 24 Mei 2019 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sebanyak RM450.00

tertakluk memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 24 Mei 2019. Pembayaran sebanyak RM225.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM225.00 akan dibayar oleh UMT.

#### **PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN**

13. Pegawai yang meninggal dunia pada 24 Mei 2019 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 sebanyak RM450.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 24 Mei 2019. Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen sebanyak RM225.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM225.00 akan dibayar oleh UMT.

#### **TARIKH PEMBAYARAN**

14. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 ini akan dibayar selewat-lewatnya pada 30 Mei 2019.

#### **TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN**

15. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019 ini adalah menjadi tanggungjawab UMT.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

16. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan iaitu pada 17 Mei 2019

